



MOHD RIDZUAN HARUN

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Bachelo Sastera Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu, dan memperolehi Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Kebudayaan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA pada tahun 2002.

Beliau berpengalaman dalam menjawat jawatan penting di ASK seperti Penolong Pengarah Pengurusan Sumber Manusia, Penyelaras Fakulti Penulisan Kreatif dan Penyelaras Fakulti Teater. Sejak tahun 2007 hingga kini beliau menjadi Pensyarah tetap di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem dengan pengkhususan dalam modul penulisan kreatif.

Beliau aktif dalam bidang penulisan dan hasilnya beliau telah menulis lima buah kumpulan puisi persendirian seperti Suluk Cinta terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2008, Buku Si Darwis terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2012, Negeri Kunang-Kunang terbitan ITBM pada tahun 2013, Menghening Sunyi terbitan ITBM pada tahun 2017, dan Diam Adalah Kata-Kata Yang Tidak Sempat Sampai Kepadamu terbitan Studio Anai-Anai pada tahun 2018.

PENCAPAIAN

Selain itu, beliau juga menulis buku kanak-kanak seperti Siri Koleksi Gurindam Kanak-Kanak Bertema terbitan Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. (UP&D) pada tahun 2009. Nukilan beliau berjudul Negeri Kunang-Kunang telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Utama Sayembara Menulis Novel, Cerpen dan Puisi anjuran ITBM-PENA-Berita Harian pada tahun 2012 bagi kategori puisi, dan kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh ITBM pada tahun 2016 dengan judulnya *Land of The Fireflies*.